

# Unimas tekankan integrasi nasional sejak penubuhan

UM 15 AUG 2002

KOTA SAMARAHAN 14 Ogos — Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sejak penubuhannya sentiasa menekankan aspek integrasi nasional di kalangan pelajarannya termasuk tidak membenarkan mana-mana persatuan bercorak kenegerian ditubuhkan di universiti itu.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Yusuf Hadi berkata, sudah menjadi dasar Unimas melarang penubuhan persatuan anak negeri mengikut kaum dan agama walaupun kewujudannya dibenarkan di universiti lain.

Beliau menjelaskan, usaha itu dibuat bagi menggalakkan integrasi sesama pelajar malah kaedah

tersebut dapat mengelak wujudnya pemisahan kaum kalangan mereka di Unimas.

“Universiti lain ada persatuan mengikut negeri masing-masing tapi kita di sini (Unimas) tak benarkan persatuan seumpama itu ditubuhkan.

## Hasrat

“Jika ada pemimpin mana-mana negeri ingin berjumpa pelajar dari negeri mereka, kita tak ada masalah untuk mengumpul mereka bagi menjayakan hasrat itu,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau mengulas teguran Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa wujud masalah pengasingan kaum di kalangan pelajar universiti negara ini.

Yusuf berkata, pihaknya sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan tidak wujud masalah pemisahan pelajar dari pelbagai kaum di kampus tersebut.

Menurutnya, Unimas mempunyai formula tersendiri untuk menjadi sebuah universiti contoh dalam mengamalkan konsep integrasi nasional.

“Sejak awal penubuhan lagi kita mahu jadi universiti contoh yang terbaik supaya semua pelajar mempunyai semangat mu-

hibah dan bersatu padu,” katanya.

Umpamanya jelas beliau, para pelajar disaran berinteraksi sesama mereka bermula program penempatan di kolej kediaman pelajar.

“Kita akan pastikan pelajar Sarawak dapat tinggal sebilik dengan pelajar dari negeri di Semenanjung atau Sabah,” katanya.

Yusuf juga memberi jaminan kebanyakan persatuan atau kelab yang ada di Unimas sudah menepati syarat yang dikehendaki pihak universiti malah setakat ini masalah perkahaman tidak wujud di universiti berkenaan.